

07/09/2002

Bukit Aman bantu siasat dakwaan rogol

Fazli Abdullah; Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Bukit Aman menubuhkan pasukan khas bagi membantu mempercepatkan siasatan berhubung dakwaan seorang gadis Filipina dirogol di pusat tahanan sementara di Sabah.

Pasukan itu yang diketuai Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Khas Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Asisten Komisioner Takbir Ahmad Nazir, akan dihantar ke Sabah dan bekerjasama dengan pasukan khas yang ditubuhkan polis Sabah bagi menyiasat kes yang sama.

Pengarah JSJ Bukit Aman, Datuk Salleh Mat Som, berkata pasukan itu ditubuhkan selepas pihaknya menerima laporan delegasi Manila, yang diketuai Penasihat Presiden Filipina, Nur Jaafar, semalam.

Salleh berkata, meskipun belum ada laporan dibuat berhubung dakwaan itu, polis menjadikan hasil siasatan delegasi Filipina itu sebagai laporan rasmi.

Delegasi Filipina melawat Sabah selama tiga hari bermula Isnin lalu, termasuk mengunjungi kem tahanan berikutan dakwaan kononnya pendatang tanpa izin Filipina diberi layanan buruk. Laporan hasil siasatan delegasi itu dikemukakan kepada Bukit Aman, semalam.

Pagi ini, Salleh turut mengadakan perbincangan dengan Konsul Jeneral Filipina di sini, Luis T Cruz.

"Berikutan perbincangan saya dengan Cruz, polis telah menjadikan maklumat yang diterima dari delegasi negara itu sebagai laporan rasmi.

"Kita menukar laporan itu kepada laporan polis dan mengarahkan supaya siasatan terperinci dijalankan," katanya dalam sidang akhbar di Bukit Aman, hari ini.

Cruz serta Timbalan Pengarah JSJ, Datuk Musa Hassan turut hadir pada sidang akhbar itu. Musa ditugaskan mengawal selia pasukan yang ditubuhkan Bukit Aman manakala Deputy Superintendan Yahaya Ramli dari Bahagian Pendakwaan dan Undang-Undang JSJ Bukit Aman, dilantik sebagai pegawai penyiasat.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan siasatan dijalankan terhadap dakwaan gadis Filipina, sehari selepas beliau menerima surat daripada Presiden Filipina, Gloria Arroyo, berhubung isu itu.

Salleh berkata, Kedutaan Filipina di sini juga menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan polis Malaysia bagi mempercepatkan siasatan kes berkenaan yang diklasifikasikan sebagai rogol mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

"Kita mahu pihak berkuasa Filipina membantu dengan membenarkan kita merekod keterangan mangsa. Kita juga berusaha melalui Interpol bagi membantu menjalankan siasatan," katanya.

Difahamkan, Filipina juga setuju membawa mangsa, Jawina Song, 13, yang kini berada di Zamboanga di selatan Filipina, ke negara ini untuk memberi keterangan.

Salleh berkata, walaupun polis Sabah sudah menubuhkan pasukan penyiasat, pihaknya perlu membantu supaya siasatan terperinci dilakukan mengikut landasan undang-undang serta mengambil kira hubungan Malaysia-Filipina.

"Oleh kerana kita mempunyai hubungan rapat dengan Filipina, kita akan menjalankan siasatan terperinci dengan bantuan rakan baik kita (Filipina)," katanya.

Mengulas lanjut berhubung siasatan itu, Salleh berkata, polis juga perlu tahu latar belakang mangsa dan kesahihan mereka yang bertanggungjawab

terhadap kes berkenaan.

"Selepas siasatan dilakukan, kita boleh cadangkan kepada Peguam Negara sama ada tindakan perlu diambil atau apa juga nasihat.

"Kita berharap siasatan dapat diselesaikan segera. Saya fikir Filipina juga mahu ia diselesaikan cepat kerana mahu tahu sama betul atau tidak (dakwaan)," katanya.

Sementara itu, Duta Malaysia di Manila Mohd Taufik Mohd Noor, menyifatkan laporan berhubung cubaan sekumpulan rakyat Filipina beragama Islam untuk menculik rakyat Malaysia di negara berkenaan sebagai tidak berasas.

Beliau berkata, setakat ini Kedutaan Malaysia tidak menerima sebarang ugutan daripada mana-mana pihak.

"Rakyat Malaysia yang berdaftar dengan pejabat kedutaan di Manila seramai antara 100 dan 200 orang termasuk pelajar dan pekerja juga tidak melaporkan mengenai sebarang ugutan, diancam atau tindakan kasar rakyat Filipina.

"Setakat ini, keadaan di sini stabil," katanya ketika dihubungi di Manila, hari ini.

Mohd Taufik juga menganggap laporan itu sengaja diperbesar-besarkan pihak media di negara itu.

Beliau mengulas laporan The Manila Times mengenai rancangan kumpulan bersenjata membabitkan rakyat Islam Filipina yang dikatakan tidak berpuas hati selepas seorang gadis bawah umur negara itu mendakwa dirogol seorang anggota polis Malaysia.

Tentera bersenjata pembebasan bangsa Moro juga dikatakan terbabit dalam rancangan penculikan itu.

Kumpulan itu dikatakan dilihat melatih beratus-ratus anggotanya di Stadium Peringatan Joaquin di Zamboanga.

Bagaimanapun, Sultan Sulu, Sultan Ismael Kiram menafikan kira-kira 2,000 rakyat negara itu mendaftar untuk menyertai pasukan tentera yang diterajuinya untuk melancar rancangan itu.